

# Fokus bidang ekonomi, perdagangan

➔ TPM mahu terjemah tindakan lanjutan berhubung LEP 2.0

Daripada Jalal Ali  
Abdul Rahim  
jalal@bh.com.my



► Tokyo

30/5

**D**atuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Malaysia mahu menterjemahkan beberapa tindakan lanjutan berhubung Dasar Pandang Ke Timur (LEP) 2.0 yang akan memberi kebaikan kepada negara.

Timbalan Perdana Menteri, berkata lawatan kerjanya ke Jepun bermula semalam, antara lain memberi penekanan kepada aspek teknologi tinggi serta penye-

lidikan dan pembangunan (R&D).

## Tingkat kerjasama dua hala

Katanya, fokus juga kepada meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

"Bagi R&D, peratusan kita masih rendah iaitu kurang dua peratus daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar), sedangkan Jepun dan

beberapa negara maju lain memperuntukkan sekurang-kurangnya 10 daripada GDP bagi tujuan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media kepada wartawan Malaysia selepas majlis makan malam bersama penuntut Malaysia di sini, malam tadi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri tiba bersama isteri, Datin Seri Hamidah Khamis, di sini

petang semalam dalam rangka lawatan kerja lima hari yang juga lawatan kerja sulungnya ke Jepun selepas menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Yang turut hadir, Wakil Khas Perdana Menteri ke Asia Timur, Datuk Seri Tiong King Sing; Duta Besar Malaysia Ke Jepun, Datuk Ahmad Izlan Idris dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Alwi Ibrahim.



**Ahmad Zahid dan isteri bergambar kenangan** selepas majlis makan malam bersama penuntut Malaysia di Tokyo, semalam.

[FOTO BERNAMA]